

13/04/1998

Megat Junid yakin KL boleh cemerlang

Sariha Mohd Ali

PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL), Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, yakin skuad warga kota mampu mempamer prestasi cemerlang dalam saingan Perdana Satu seterusnya walaupun tewas kepada Kedah 1-5 dan seri 1-1 dengan Negeri Sembilan, kelmarin.

Menurutnya, dua perlawanan itu tidak boleh dijadikan ukuran kemampuan sebenar pasukan, sebaliknya keputusan boleh berubah pada bila-bila masa.

"Saya masih yakin dengan kemampuan Kuala Lumpur walaupun mereka nampaknya belum menunjukkan kecemerlangan yang diharapkan.

"Ini kerana pemain sudah bersatu kembali walaupun sebelum ini timbul sedikit kekecohan dengan jurulatih, Chow Kwai Lam, yang tidak berpuas hati dengan kekalahan buruk skuad pimpinannya ketika menentang Kedah.

"Bagaimanapun, selepas saya mengadakan perbincangan dan menemukan pemain dengan Kwai Lam, segala masalah yang wujud sudah dijernihkan dan disiplin pemain kembali pulih.

"Malah, mereka berazam mencatat kejayaan cemerlang dalam perlawanan seterusnya," katanya di Kuantan semalam.

Sebelum ini, skuad warga kota bertindak di luar dugaan apabila berarak ke pejabat Megat Junid untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap Kwai Lam yang marahkan mereka tanpa ihsan gara-gara dibelasah Kedah 5-1 dalam perlawanan di Alor Star, 3 April lalu.

Sementara itu, ketika diminta mengulas masalah kewangan PBKL, Megat Junid berkata skuad itu mendapat peruntukan RM500,000 musim ini, iaitu selepas pemotongan separuh daripada peruntukan RM1 juta, yang sepatutnya diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Sebagai Presiden PBKL, saya mengambil alih tugas DBKL untuk membangunkan sukan bola sepak di bandar raya, bukan sahaja dalam Liga-M, malah membabitkan kejohanan bawah 12 tahun, bawah 14 tahun dan bawah 16 tahun.

"Jadi adalah wajar DBKL membantu mengatasi masalah kewangan kami kerana zaman kegawatan ini menyukarkan saya mencari penaja.

"Saya memohon supaya Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengurangkan separuh peruntukan DBKL dan memberi separuh lagi kepada kami dan dalam mesyuarat Kabinet yang lalu, perkara itu diluluskan," katanya.

Menurutnya, peruntukan pembangunan bola sepak bandar raya sebelum ini hanya berjumlah RM350,000 tetapi keadaan ekonomi yang kukuh membolehkan pihaknya mencari penaja.

(END)